

**Muzakarah: Nik Aziz, Hadi tidak sehaluan
Utusan Online
24 Mei, 2012**

KOTA BHARU 23 Mei - Pendirian sebenar Pas dalam isu muzakarah yang dituntut Islam demi perpaduan ummah semakin bercelaru apabila Mursyidul Amnya, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat bertegas mahu mengadakan muzakarah dengan UMNO.

Sebelum ini, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang dilaporkan menolak untuk bermuzakarah dengan UMNO.

Nik Abdul Aziz sebaliknya berkata, ia terpulang kepada Abdul Hadi sekiranya tidak bersetuju dengan pendirian beliau yang mahu bermuzakarah antara kedua-dua parti.

Menteri Besar Kelantan itu turut bertegas bahawa beberapa syarat yang beliau tetapkan untuk mengadakan muzakarah itu perlu dipatuhi UMNO.

"Saya tidak kira orang lain, yang saya nak muzakarah dengan UMNO. Saya ulang balik, mahu tanya kenapa UMNO buang Islam itu sahaja.

"Apa saya sebut ini adalah pendirian saya. Saya nak muzakarah dengan UMNO kenapa tolak Islam, tapi muzakarah ini keluar daripada presiden, kalau dia tidak setuju kepada saya tidak apa, yang penting muzakarah," katanya ketika ditemui selepas merasmikan pembukaan Pasar Kota Jembal di sini hari ini.

Abdul Hadi baru-baru ini dilaporkan membayangkan bahawa perlu ada muzakarah demi kepentingan umat Islam di negara ini, namun beberapa hari kemudian menegaskan bahawa ia bukan membabitkan Pas dengan UMNO, sebaliknya hanya bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Sebelum ini, pelbagai pihak mempersoalkan keikhlasan Nik Abdul Aziz apabila meletakkan beberapa syarat untuk parti itu bermuzakarah dengan UMNO.

Tiga syarat yang beliau tetapkan adalah UMNO perlu menerima rakan pakatan Pas iaitu DAP dan Parti Keadilan Rakyat (PKR), UMNO menukar dasar kebangsaan kepada dasar Islam secara rasmi dan mencadangkan muzakarah diadakan sebelum pilihan raya umum.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam reaksinya semalam berkata, UMNO boleh mengadakan muzakarah dengan NGO Melayu dan Islam jika Pas belum bersedia untuk berbuat demikian.

Dalam pada itu, Nik Abdul Aziz ketika ditanya wartawan tidakkah beliau terfikir untuk melonggarkan syarat demi memastikan muzakarah itu dapat dijalankan menegaskan, semua perkara di dunia ini mempunyai syaratnya.

"Mana boleh tiada syarat, budak kecil umur tiga tahun mahu masuk tadika ada syarat dia, begitu juga kita nak kahwin dengan orang kena ada syarat.

"Mana boleh muzakarah yang melibatkan seluruh negara tidak ada syarat. Pas sedia bermuzakarah pada bila-bila masa, Islam ini kerja dia muzakarah, ada perbincangan," tegasnya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0524&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_04.htm